

26 JUL 1999

LID-Media (Fokus Berita)

"PENDEDAHAN LANGKAWI" BUKTIKAN MEDIA BARAT MEMANG BERSALAH

Oleh: E.Sivabalan

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Semasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas media Barat kerana membuat laporan salah mengenai Malaysia, para pengkritik menuduh beliau cuba menyembunyikan "masalah" negara, tetapi apakah justifikasinya, sedangkan hampir separuh daripada benua Afrika berkongsi pendapat dengannya.

Hari ini dunia, sekurang-kurangnya negara membangun, mula menyedari dan memahami bahawa sekali lagi pendapat Perdana Menteri selama ini memang benar mengenai bagaimana media Barat begitu 'nakal' atau bersikap jahat dalam laporan mereka.

Dan beliau pastinya tidak sendirian lagi.

Pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) ke empat di sini, keburukan media Barat telah didedahkan kepada dunia walaupun CNN tidak berada di sini untuk membuat liputan.

Beberapa pemimpin berpengaruh Afrika seperti Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma telah buat pertama kali secara terbuka di tengah-tengah kehadiran para wartawan antarabangsa dan tempatan, mengkritik media barat tertentu kerana memutarbelitkan fakta mengenai negara mereka.

Rusuhan, ketegangan kaum, rasuah dan pemerintahan diktator merupakan antara cerita yang menjadi kegemaran media Barat bila mereka melaporkan mengenai negara-negara membangun sehingga membuatkan Presiden Sudan Lt Jen Omar Hassan Ahmad bertanya: "Ada sesiapa yang mendengar perkara baik mengenai Sudan?"

Para pemimpin Afrika menceritakan pengalaman mereka mengenai telatah media Barat pada dialog khas dengan para editor kanan berita dari Afrika dan Malaysia di LID.

Tetapi ia bukan sesi menghentam media Barat seperti yang mungkin boleh dianggap pengarah urusan BBC bagi perkhidmatan dunia, rantau Asia Tenggara dan Pasifik, Chris Greene yang merupakan wakil tunggal media Barat pada dialog khas itu.

Secara kebetulan Greene turut mengambil bahagian dalam perbincangan rancak itu yang sepatutnya membincangkan peranan media dalam mengadakan perkongsian pintar dengan kerajaan.

Pemimpin Afrika yang mengambil bahagian dalam dialog khas itu ialah Presiden Botswana Festus G.Mogae, Raja Mswati III Swaziland, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano, Perdana Menteri Lesotho P.B.Mosisili dan naib presiden Afrika Selatan J.Zuma.

Pemimpin lain termasuk naib presiden Seychelles James Alix Michel.

Semasa dialog khas selama sejam itu, para pemimpin mengalih perhatian media daripada perkongsian pintar kepada peranan mereka, terutama media Barat dalam memulihara keamanan, membasmi kemiskinan dan lain-lain.

Sambil mata mereka seringkali memandang tepat kepada wakil BBC itu, para pemimpin itu tidak membuang masa menyerang media Barat kerana laporan mereka yang berat sebelah, menggambarkan benua Afrika sebagai berpecah-belah dari segi perkauman sehinggakan Dr Mahathir tidak perlu menambah banyak.

Semasa Chissano bersungguh-sungguh merayu media di Utara supaya melaporkan dengan tepat mengenai negaranya dan negara-negara Selatan lain, ia mengingatkan ramai daripada anggota media tempatan mengenai Dr Mahathir.

Para pemerhati berkata hakikat bahawa para pemimpin Afrika telah mengkritik secara terbuka media Barat jelas menunjukkan bahawa mereka sudah

meluat dan tidak mahu lagi terus berdiam diri.

"Mereka kini seperti berjuang menentang media Barat," kata seorang pemerhati media dari Afrika.

Mereka bagaimanapun tidak percaya bahawa ini tidak akan mengubah apa-apa kerana media Barat akan terus dengan "agenda" masing-masing tanpa mengira sama ada laporan mereka telah menyebabkan atau meningkatkan lagi ketegangan kaum di seluruh dunia, terutama negara-negara membangun.

Tetapi "Pendedahan Langkawi" telah membuktikan bahawa Dr Mahathir tidak pernah tersilap dalam penilaiannya terhadap media Barat, kata mereka.

-- BERNAMA

ES RON